

POLIS DAN CABARAN MASAKINI

24 April 2008. *New Sabah Times*, ms. 8

Oleh *Jakaria Dasan*

SENARIO SEMASA

Kes penculikan penuntut Universiti Malaysia Sabah pada 15 April 2008 sekitar jam 7:00 malam di kawasan kedai Taman Kingfisher merupakan satu kejutan besar yang menggemparkan seluruh Negara. Pelajar yang berada pada tempat dan masa yang salah telah dilarikan oleh dua orang penjenayah dengan menaiki sebuah kereta kancil. Dengan pengaruh alkohol dan syabu, penjenayah ini berubah menjadi kumpulan penculik yang nekad memilih mangsa mereka secara rambang. Menyedari keprihatinan dan sensitiviti masyarakat yang tinggi yang masih diselubungi dengan igauan kes-kes penculikan yang terus menjadi misteri, maka pihak Polis Kota Kinabalu telah bertindak pantas menyerbu ke tempat kejadian selang beberapa minit berlakunya peristiwa tersebut berdasarkan panggilan telefon rakan-rakan mangsa dan saksi di tempat kejadian. Sejurus selepas itu, pasukan Polis di daerah-daerah berhampiran juga telah dimaklumkan dan bersiap sedia dengan strategi menangani konflik kes sedemikian. Masyarakat yang prihatin turut sama memainkan peranan penting sehingga berakhirnya konflik berkenaan pada pagi 16 April 2008. Mangsa culik berjaya di selamatkan selepas suatu episod kejar mengejar antara kereta peronda Polis dengan kereta penculik di Kg Rompon, Tambunan. Penjenayah yang melarikan diri juga berjaya diberkas beberapa jam selepas itu dan sehari kemudiannya.

Kejayaan pihak Polis ini merupakan suatu bentuk manifestasi betapa pihak Polis merupakan agen penyelesaian konflik melibatkan kes-kes jenayah yang masih boleh diperakui kewibawaannya. Kepercayaan masyarakat kepada kemampuan Polis perlu dipelihara dan dipertingkatkan dengan kejayaan mendepani pelbagai cabaran yang sedang dan akan

dihadapi di masa depan. Keyakinan masyarakat kepada institusi Polis amat penting dalam memastikan proses pembangunan Negara berjalan dengan baik dan berkesan. Persoalannya sejauhmanakah anggota-anggota Polis dapat mengharungi cabaran mendatang dengan mengambilkira segala cabaran itu wujud dalam bentuk teka-teki sifatnya.

SEMANGAT KECINTAAN KEPADA KERJAYA POLIS

Semasa menyampaikan ceramah motivasi kepada Ketua Penguasa Balai-Balai Polis seluruh Sabah “Bengkel Ketua Balai Polis Siri I/2008” yang diadakan disalah sebuah Hotel di Kota Kinabalu, Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin, Naib Canselor UMS yang juga ACP (K) SUKซิส, UMS, menekankan peripentingnya anggota Polis menanamkan semangat kecintaan kepada kerjaya mereka. Apa juga jenis jenayah yang bakal dihadapi perlu dibendung dengan semangat kepolisian yang tinggi. Apa juga bentuk kesalahan yang dilakukan oleh masyarakat perlu diuruskan berpandukan kepada etika yang telah disemai dalam diri mereka. Beliau sempat berseloroh suatu peristiwa bilamana beliau telah dikenakan saman kerana meletak kenderaan pada tempat yang tidak dibenarkan di lapangan terbang. Secara bergurau beliau mengatakan kepada anggota Polis berkenaan bahawa dia kenal dengan Ketuanya. Lalu anggota Polis berkenaan menjawab, “ **...tidak apalah Datuk beritahu juga pada ketua saya itu, yang saya buat kerja dengan baik seperti di arah.**” Disebabkan kejadian itulah, maka dimana sahaja beliau berceramah dan jika ada kaitannya dengan disiplin seorang anggota Polis, maka peristiwa berkenaan akan diceritakan semula.

Selain itu, dalam ceramahnya juga, Prof. Datuk Dr Mohd Noh Dalimin menekankan akan pentingnya aspek mengenali masyarakat setempat. Apabila seseorang itu mengenali budaya dan cara hidup termasuklah bahasa masyarakat setempat,

maka amat mudahlah untuk menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan. Beliau sendiri sebagai contoh amat mudah mendekati masyarakat setempat apabila beliau menggunakan bahasa Sabah. Sokongan dan kerjasama masyarakat tempatan kepada beliau telah menjadikan kehidupan beliau dan keluarga di Sabah seperti berada di tempat sendiri. Justeru, pendekatan sedemikian akan turut memudahkan tugas anggota Polis walau dimana sahaja mereka ditugaskan di Sabah. Sebenarnya **kerjaya Polis ini sudah pun wujud beratus tahun lamanya**. Malah pada peringkat awal dahulu kerjaya Polis ini dilihat mempunyai suatu pertalian yang rapat dengan **konsep jihad**. Dalam ayat terakhir Surah Quraishy "...**Wa amanahum min khauf**" yang bermaksud "...**dan telah mengamankan mereka kerana ketakutan**." Potongan ayat ini menyentuh mengenai hanya dengan kekuasaan Allah swt, manusia dapat dilindungi dari pelbagai bentuk ancaman. Dalam hubungan ini, pihak Polis bolehlah disifatkan sebagai agen kepada kekuasaan Allah swt ini dalam menjaga keselamatan masyarakat. Tanpa kewujudan pasukan Polis, keamanan dan keselamatan Negara tidak akan terjamin. **Anggota Polis juga perlu memiliki sifat kemanusiaan yang tinggi**. Dalam setiap operasi atau tugas harian yang dilakukan hendaklah dilakukan dengan sebaik mungkin sambil **menitikberatkan nilai dan etika berkaitan dalam menjalankan tugas berurusan dengan masyarakat**. Dengan yang demikian, anggota polis akan berasa gembira menunaikan tanggungjawab membentasi jenayah dan berpuashati apabila masyarakat dapat hidup dalam keadaan tenteram dan selamat. Jika bukan kerana pihak Polis, seluruh negara akan menjadi kacau bilau dimana jenayah bermaharajalela. Akibatnya kita akan kembali kepada hukum rimba dimana siapa yang lebih ganas, dialah yang berkuasa. *"No rules, no regulation, no laws and orders, no system, and thus, no civilization."*

Integriti yang tinggi mencakupi usaha mematuhi amalan yang lebih luas daripada sekadar menghayati maksud slogan seperti "saya anti rasuah." Malah lencana yang mengandungi slogan itu adalah sebenarnya untuk kita baca dan hayati maksudnya dan bukannya untuk dibaca oleh orang awam. Anggota Polis hendaklah sentiasa memotivasikan diri dengan memandang profesyen Polis sebagai suatu profesyen yang mulia, yakni mengekalkan integriti kepolisian.

Ilmu pengetahuan mampu meningkatkan kompetensi anggota Polis. Sehubungan itu, anggota Polis perlu memiliki dan menyemai minat untuk melanjutkan pengajian secara separuh masa sebagaimana yang dimaksudkan dengan pembelajaran sepanjang hayat. Genggaman globalisasi dan ledakan teknologi maklumat menyebabkan cabaran yang lebih sulit dan sukar untuk diatasi. Oleh sebab itulah, dari semasa ke semasa anggota Polis juga perlu mempertingkatkan ilmu pengetahuan mereka. Budaya cintakan ilmu ini juga perlu ditekankan dalam keluarga dimana pendidikan anak-anak perlu diambil tahu walau sesibuk mana sekalipun tugas yang dilaksanakan.

KOMITMEN DAN SEMANGAT KERJA BERPASUKAN

1) **Prestasi pasukan akan meningkat jika setiap ahli berkongsi objektif yang serupa (shared objective)**. Kesepakatan ini akan menghasilkan strategi yang sesuai dan memupuk kreativiti dalam menghasilkan penyelesaian.

2) **Prestasi pasukan juga akan meningkat jika anggota polis memiliki pengetahuan dan kemahiran yang sesuai** untuk melakukan suatu tugas, bagaimana melakukannya, bila hendak melakukannya dan sebagainya.

3) **Prestasi pasukan juga bergantung kepada sejauhmana anggota-anggotanya dilatih** dan kemudiannya **diletakkan pada bahagian atau unit yang sesuai** dengan kemahirannya.

4) **Memelihara semangat kerjasama yang tinggi dan mengekalkan kepercayaan yang jitu antara satu sama lain** turut memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan prestasi kerja berpasukan. Elakkan dari terlibat dalam perkara atau aktiviti yang mencemar imej Polis.

MENGHARGAI PENGIKTIRAFAN DAN MEMPUNYAI RASA SIMPATI TERHADAP MASYARAKAT

"Recognition" atau pengiktirafan yang diharapkan dari masyarakat hendaklah bersifat untuk pihak Polis keseluruhannya. Ini adalah kerana sesuatu kes itu hanya dapat diselesaikan sepenuhnya dengan kerjasama semua pihak dalam pasukan polis. Tidak ada individu yang wajar ditonjolkan. Justeru setiap anggota juga hendaklah peka dan prihatin bahawa pada setiap cabaran kes yang dihadapi semuanya bertindak dengan rasa penuh tanggungjawab yang tinggi dan bersungguh-sungguh demi nama baik pasukan Polis.

Dalam melaksanakan tugas perlu ada **sifat simpati kepada nasib masyarakat keseluruhannya sekiranya suatu kes itu belum diselesaikan.** Biasanya simpati ini hanya diberikan kepada individu atau pun mangsa sahaja. Bila kes telah diselesaikan maka wujud satu perasaan kepuasan yang boleh mengakibatkan kita lalai untuk mengelaknya dari berlaku semula dimasa depan. Masyarakat adalah suatu sasaran besar yang tidak dapat lari daripada menyediakan mangsa seterusnya. Oleh itu, dengan memiliki rasa simpati, komitmen untuk bertindak sebelum terngadah dapat dilakukan.

IBARAT LILIN YANG MEMBAKAR DIRI

Kerja itu adalah suatu ibadah. Memberi pertolongan kepada manusia tanpa mengira bangsa, agama dan status seseorang itu adalah suatu konsep ibadah yang selama ini dilaksanakan oleh setiap anggota Polis. Seperti lilin yang menerangi sekeliling, lilin itu sanggup membakar dirinya demi kepentingan makhluk lain. Setiap lapisan masyarakat perlu menghormati profesyen ini sebagaimana profesyen lainnya. Universiti Malaysia Sabah turut menekankan kepentingan modal insan yang memiliki semangat dan jiwa kepolisian dengan penubuhan SUKSIS UMS. Adalah diharapkan graduan yang dilahirkan kelak akan mampu berkhidmat dengan berbekalkan segala disiplin kepolisian yang telah mereka pelajari walau berkhidmat di pelbagai bidang sekali pun.

Kisah tragis penculikan pelajar UMS adalah satu daripada tragedi yang tidak mungkin terpadam sampai bila-bila pun. Namun masyarakat dari segenap lapisan mahu pun kepimpinan perlu bersikap rasional dalam menangani kejadian seumpama ini. Setiap individu dalam masyarakat bertanggungjawab memastikan persekitaran kita selamat untuk didiami. Dan sebaik rakan yang boleh dijadikan sandaran ialah pihak Polis yang saban hari membakar diri demi kepentingan awam.